



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
22 Disember 2022**

ASNB UMUM PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.60 SEN DAN BONUS TAMBAHAN 0.50 SEN BAGI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

Bonus Tambahan bagi membantu pemegang unit berhadapan dengan tekanan kos sara hidup

- Anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), mengumumkan pengagihan pendapatan 3.35 sen seunit, bonus 1.25 sen seunit dan Bonus Tambahan 0.50 sen seunit untuk 30,000 unit pertama untuk dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.
- Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM8.9 bilion akan memanfaatkan 10.6 juta pemegang unit yang memiliki 186.4 bilion unit dalam ASB.
- ASB berjaya memberikan pengagihan pendapatan yang kompetitif, mengatasi penanda arasnya iaitu kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank yang mencatatkan kadar purata sebanyak 2.27% sepanjang tahun ini.
- ASB, alat simpanan dan pelaburan utama bagi kaum Bumiputera, mencatat peningkatan unit dalam edarannya kepada 186.4 bilion unit daripada 181.8 bilion pada tahun lepas. Sementara itu, bilangan pemegang unit meningkat kepada 10.6 juta daripada 10.4 juta pada tahun lepas.
- Jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB meningkat daripada RM336.7 bilion kepada RM343.1 bilion setakat November 2022. Dalam tempoh yang sama, unit dalam edaran meningkat daripada 276.2 bilion unit kepada 283.2 bilion manakala jumlah pemegang akaun bagi kesemua 17 dana bertambah kepada 15.2 juta daripada 14.8 juta pada tahun 2021.

Kuala Lumpur, 22 Disember 2022: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (TK2022).

ASNB telah mengumumkan dividen sebanyak 3.35 sen dan bonus 1.25 sen, berjumlah 4.60 sen seunit. Selain itu, ASNB mengumumkan Bonus Tambahan sebanyak 0.50 sen seunit untuk 30,000 unit pertama yang dipegang oleh setiap pemegang unit. Jumlah keseluruhan pengagihan pendapatan sebanyak RM8.9 bilion ini akan memanfaatkan 10.6 juta pemegang unit ASB.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, “Walaupun dalam keadaan pasaran yang sukar, kami telah memberi agihan pendapatan yang kompetitif kepada pemegang unit ASB, termasuk Bonus Tambahan pada tahun ini. Jumlah pengagihan sebanyak RM8.9 bilion akan memanfaatkan 10.6 juta pemegang unit yang memegang 186.4 bilion unit dalam ASB. Bonus Tambahan tersebut adalah untuk membantu pemegang unit kami berhadapan dengan tekanan kos sara hidup.”

Ketegangan geopolitik, inflasi, kenaikan kadar faedah dan dasar Sifar-COVID di China telah membawa kepada peningkatan ketidakpastian pasaran. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 14.2% pada suku ketiga 2022, berbanding suku kedua 2022 pada 8.9% dan suku pertama 2022 pada 5%. Namun, pasaran modal turut terjejas akibat trend makro global, iaitu –inflasi, kadar faedah tinggi, gangguan rantai bekalan dan pengukuhan mata wang Dollar Amerika. Sehingga kini, Indeks Komposit Kuala Lumpur FBM telah menurun sebanyak 6.7% setakat 21 Disember 2022.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, “Tahun ini, syarikat-syarikat Malaysia muncul sebagai penyumbang terbesar kepada pulangan, didorong oleh pelaburan ASB dalam sektor perkhidmatan kewangan, perladangan dan penjagaan kesihatan. ASB memanfaatkan prestasi pasaran ekuiti domestik yang agak kukuh pada separuh pertama 2022 untuk meraih keuntungan, mengimbangi semula portfolio dan meningkatkan pegangan tunainya.

“ASB terus memberikan pulangan yang mampan dan kompetitif mengatasi penanda aras kadar Deposit Tetap 12 bulan Maybank. Jumlah bilangan akaun ASB meningkat lebih daripada 200,000 kepada 10.6 juta akaun, manakala unit dalam edaran meningkat sebanyak 4.6 bilion atau 2.53% kepada 186.4 bilion unit. Ini menunjukkan keyakinan berterusan terhadap ASB sebagai satu instrumen simpanan dan pelaburan yang penting kepada Bumiputera dalam perancangan kewangan mereka.”

“ASB terus memberikan pulangan mengatasi penanda arasnya, hasil daripada strategi perumpukan aset dan kepelbagaian yang telah kami laksanakan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Kami berbesar hati melihat peningkatan berterusan rakyat Malaysia yang melabur dengan kami, serta peningkatan saiz pelaburan mereka. ASB kekal sebagai komponen asas dalam perancangan kewangan pemegang unit kami,” tambah Ahmad Zulqarnain.

PNB sekali lagi menunjukkan daya tahannya dalam mengharungi ketidakpastian pada tahun 2022. Untuk 11 bulan pertama tahun ini, jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB meningkat daripada RM336.7 bilion kepada RM343.1 bilion. Dalam tempoh yang sama, unit dalam edaran untuk kesemua 17 dana ASN meningkat daripada 276.2 bilion unit kepada 283.2 bilion unit manakala jumlah pemegang akaun bertambah kepada 15.2 juta daripada 14.8 juta pada 2021.

Pengiraan pengagihan pendapatan dan bonus untuk ASB adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengiraan pengagihan bonus tambahan adalah tertakluk kepada 30,000 unit pertama untuk setiap akaun. Unit-unit yang dilaburkan semula daripada pengagihan pendapatan dan bonus akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2023. Pembayaran dividen dibuat daripada pendapatan bersih ASB manakala bonus dan bonus tambahan dibayar daripada dana proprietari

PNB atas budi bicara syarikat.

Urus niaga ASB di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua platform digital dan perbankan Internet, telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 hingga 31 Disember 2022. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 Januari 2023, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 3 Januari 2023.

– TAMAT –

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera (ASB)

Amanah Saham Bumiputera (ASB) telah dilancarkan oleh ASNB pada 2 Januari 1990. Objektif pelaburannya adalah untuk menjana pulangan jangka panjang, konsisten dan berdaya saing kepada pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

DANA HARGA TETAP



ASB

**JUMLAH PEMBAYARAN
PENGAGIHAN**

RM 8.9 BILION

KEPADA

10.6 JUTA
PELABUR

JUMLAH PENGAGIHAN

4.60
sen seunit

+

BONUS TAMBAHAN

0.50
sen seunit

untuk 30,000 unit pertama

Nota: Merangkumi Pengagihan Pendapatan 3.35 sen seunit dan Bonus 1.25 sen seunit



Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022
DANA HARGA TETAP

Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap Sebanyak 283 Mata Asas

4.60% + 0.50%



**Kadar Purata
Deposit Tetap
12-Bulan**

- Nota: 1) Pulangan efektif mengatasi penanda aras untuk 30,000 unit dan ke bawah
2) Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 31 Disember 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022
DANA HARGA TETAP

Ilustrasi Pengagihan Pendapatan

Pulangan efektif sebanyak **5.10%** untuk pegangan
30,000 unit dan ke bawah

JUMLAH PELABURAN

PULANGAN EFEKTIF

10,000

5.10%

30,000

5.10%

50,000

4.90%

100,000

4.75%

Nota: Pengiraan dibuat berdasarkan andaian unit dipegang dengan baki minimum bulanan selama 12 bulan


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022
DANA HARGA TETAP

Pulangan ASB Terus Kompetitif

Pulangan ASB dari tahun 2019 sehingga kini



Nota: Kadar Pulangan KLCI adalah berdasarkan pulangan harga (*price return*); pulangan 2022 adalah tempoh sehingga 21 Disember 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASB Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASB Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASB Equity Global bertarikh 1 September 2021 dan Prospektus ASB Sukuk bertarikh 25 November 2022 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.